

Bil: (109)dlm.RSC.No.29/54

Pejabat Pendaftaran,  
Mahkamah Persekutuan,  
Mahkamah Ke'adilan,  
Kuala Lumpur.

20hb. Ogos, 1970.

Semua Penolong Kanan Pendaftar/Penolong Pendaftar, Mahkamah Tinggi.

Semua Yang di-Pertua Kanan/Yang di-Pertua, Mahkamah Seshen.

Semua Mejistret, Mahkamah Rendah.

PEKELILING HENDAFTAR NO. 4 OF 1970

Ada-lah di-ma'alumkan ia-itu Penolong2 Kanan Pendaftar dan Penolong2 Pendaftar Mahkamah Tinggi telah membuat beberapa serbuan dan pemereksaan ka-atas tempat Pemberipinjam wang yang berlesen, dan akan menghadapi pesalah2 di-bawah Undang2 Pemberipinjam Wang ka-Mahkamah2 untuk di-da'awa.

2. Oleh itu saya menarek perhatian semua Mejistret untuk membuat laporan kepada saya di-bawah Sekshen 10(1)(b) Undang2 Pemberipinjam Wang yang berbunyi demikian:-

"10. (1) Where any person being the holder of a licence is convicted of any offence under this Ordinance the Court -

(a) .....

(b) shall cause particulars of the conviction and any order made by the Court under this subsection to be endorsed on the licence held by the person convicted or by any other person affected by the order and shall cause copies of those particulars to be sent to the authority by whom any licence so endorsed was granted".

Mengikut Legal Notification No. 705 yang bertarikh 13hb. Disember, 1951, saya dan Penolong2 Pendaftar, Mahkamah Tinggi ada-lah pegawai2 yang mengeluarkan lesen2 pemberipinjam wang di-bawah Ordinan Pemberipinjam Wang. Segala laporan yang di-kehendaki di-bawah Sekshen 10(1) itu hendak-lah di-hantarkan kepada saya dan kepada Penolong Pendaftar, Mahkamah Tinggi bagi tiap2 Negeri di-mana thabitan (conviction) itu berlaku.

3. Semua Penolong Kanan Pendaftar/Penolong Pendaftar apabila menerima laporan tersebut hendak-lah jangan membaharui lesen2 pesalah2 tersebut.

... 4. Sila gunakan borang2 yang di-sertakan bersama2 ini apabila membuat laporan2 tersebut.

24 AUG 1970

Despatched on \_\_\_\_\_  
by \_\_\_\_\_

